

30 OCT 1998

LAPAN PESERTA LAGI PERDENGARKAN BACAAN PADA MALAM KEEMPAT TILAWAH

MELAKA, 30 Okt (Bernama) -- Lapan peserta, empat qari dan empat qariah memperdengarkan bacaan pada malam keempat Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-41 di Stadium Kubu di sini malam ini.

Qari yang memperdengarkan bacaan malam ini ialah Mat Arifin Jusof dari Kelantan, Abdul Wahab Che Li (Kedah), Haji Salleh Saidi (Johor) dan Haji Imran Putih Ismail (Selangor).

Qariah pula ialah Jalimah Mohamad dari Sabah, Hajah Hasnah Amin (Wilayah Persekutuan), Hajah Siti Rohani Daud (Pulau Pinang) dan Hajah Maimunah @ Napisah Muda (Perak).

Dengan itu, dua puluh lapan peserta, 14 qari dan 14 qariah termasuk johan menunggu Hajah Siti Aminah Awang telah memperdengarkan bacaan.

Esok ialah majlis penutupan dan penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang oleh Yang Dipertua Negeri Melaka, Tun Syed Ahmad Shahabudin.

Majlis tilwah yang bertemakan " Kesejahteraan Negara, Tanggungjawab Kita" itu telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Selasa lepas.

-- BERNAMA

NO RI